

15 OCT 1997

Rafidah-Teknikal

AEM: MENTERI ASEAN MASIH CUBA ATASI MASALAH TEKNIKAL

PETALING JAYA, 15 Okt (Bernama) -- Menteri-menteri ekonomi Asean bertemu sehingga lewat malam ini bagi mengatasi masalah-masalah teknikal yang tertangguh bagi melicinkan perjalanan program-program integrasi ekonomi serantau.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata walaupun Asean masih belum mendapat kata sepakat berhubung masalah teknikal itu, namun pada dasarnya mereka bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan.

Bercakap kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat tidak rasmi Menteri-menteri Ekonomi Asean (AEM), beliau berkata "jika tiada kata sepakat, penyelesaian lain akan digunakan."

Mesyuarat ke-29 AEM yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok, diadakan ketika ekonomi-ekonomi Asean dilanda krisis mata wang.

Rafidah berkata antara perkara yang disentuh termasuklah tempat pertemuan mesyuarat tidak rasmi menteri-menteri ekonomi Asean tahun hadapan yang dijangka akan diumumkan esok di mana Tata Cara Pemberitahuan (NP) akan ditandatangani.

Tata Cara Pemberitahuan itu yang akan disokong dalam mesyuarat AEM esok, menuntut anggota-anggota supaya memberitahu antara satu sama lain agar tiada yang mengalami kerugian apabila menjalankan dagangan antara satu sama lain.

Perkara lain yang dibincangkan termasuklah Skim Kerjasama Pelaburan Asean (Aico), Kawasan Pelaburan Asean (AIA), Wawasan 2020 Asean dan juga kertas dasar mengenai krisis kewangan yang diedarkan oleh Malaysia pada mesyuarat Majlis Kawasan Daganagn Bebas Asean (Afta) awal hari ini.

Rafidah berkata menteri-menteri Asean juga akan mengkaji langkah-langkah susulan yang perlu diambil selepas mengadakan pertemuan dengan Jepun, Masyarakat Pembangunan Negara-negara Selatan Afrika (SADC) serta Australia dan New Zealand. -- BERNAMA

AA NI MR